

0163

R 8863 BAH
MAHATHIR - PEJUANG

KUALA LUMPUR, 10 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PERJUANGAN UMNO PERLU DITERUSKAN WALAUPUN NEGARA TELAH LAMA MENCAPI KEMERDEKAAN.

BELIAU BERKATA PERJUANGAN UMNO SEBENARNYA MASIH BELUM TAMAT KERANA BANYAK LAGI USAHA YANG PERLU DIBUAT UNTUK MENGISI KEMERDEKAAN YANG DICAPAI ITU DENGAN PEMBANGUNAN DAN MEMBETULKAN KESALAHAN YANG DIBUAT OLEH BRITISH DAHULU.

PROSES MENGISI KEMERDEKAAN CUMA DAPAT DITERUSKAN JIKA UMNO KUKUH DAN MENDAPAT SOKONGAN KUAT ORANG MELAYU, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS JAMUAN MALAM KEPADA PARA PEJUANG PENENTANG MALAYAN UNION DI SINI MALAM INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA OLEH ITU PERJUANGAN YANG DIASASKAN OLEH PARA PEJUANG TERSEBUT HARUS DITERUSKAN SEHINGGA BANGSA MELAYU MENJADI SATU BANGSA YANG BERMARUAH DAN DIHORMATI.

KATANYA, PADA TAHUN 1946 DULU SEMASA UMNO DIWUJUDKAN ORANG MELAYU TIDAK MEMPUNYAI MANG, KEKUATAN, DAN CERDEK PANDAI, TETAPI DENGAN PERPADUAN BANGSA MEREKA BERJAYA MENGUSIR BRITISH DARI NEGARA INI -- LAGI

0022MST 11 08 88

0164

R 8864 BAH
MAHATHIR - PEJUANG 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SELAGI UMNO MENDAPAT SOKONGAN ORANG MELAYU DAN SELAGI UMNO MENJADI TULANG BELAKANG KERAJAAN SELAGI ITULAH UMNO BERSAMA RAKAN-RAKANNYA DALAM BARISAN NASIONAL AKAN TERUS MELAKSANAKAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN SEPERTI BEKALAN AIR, JALAN RAYA DAN SEKOLAH BAGI MENJAMIN MASA DEPAN ORANG MELAYU.

BELIAU BERKATA, +KALAU KINI SUDAH ADA ANAK-ANAK KITA YANG BERPELAJARAN TINGGI DAN MENJADI DOKTOR ATAU PEGUAM DAN BERJAWATAN TINGGI LAIN, ITU SEMUA ADALAH HASIL PERJUANGAN UMNO.+

KATANYA, JIKA TIDAK ADA UMNO ATAU UMNO LEMAH SEGALA KEJAYAAN ITU TERMASUKLAH KEMERDEKAAN TIDAK AKAN TERCAPI.

BELIAU BERKATA OLEH YANG DEMIKIAN PERJUANGAN UMNO YANG DIASASKAN OLEH PARA PEJUANG YANG MENENTANG MALAYAN UNION DAHULU PERLU DITERUSKAN SUNGGUHPUN TERDAPAT SESETENGAH ORANG YANG BERKATA BAHAWA TANPA UMNO PUN ORANG MELAYU BOLEH BERGERAK MELALUI PARTI LAIN.

PERKARA INI MUSTAHIL, JELAS BELIAU, KERANA UMNO SAHAJALAH YANG DAPAT MENYATU-PADUKAN SEMUA ORANG MELAYU TANPA MENGIRA DAERAH ATAU NEGERI DEMI KEPENTINGAN MASA DEPAN BANGSA. -- LAGI

0040MST 11 08 88

0167

R 8865 BAH
MAHATHIR - PEJUANG 3 KULA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DENGAN SATU MALAMAT IAITU MEMBELA NASIB DAN MEMBANGUNKAN BANGSA MELAYU, PARA PEJUANG ITU BERKUMPUL DAN BERSETUJU MENGEMBELING TENAGA UNTUK MENGHANCURKAN RANCANGAN MALAYAN UNION ITU.

KATANYA, DENGAN PERPADUAN YANG KUKUH DAN DIIKUTI DENGAN SEMANGAT YANG BERKOBAR-KOBAR ORANG MELAYU, BRITISH AKHIRNYA TERPAKSA MEMBATALKAN RANCANGAN UNTUK MERAMPAS KUASA MEREKA.

OLEH ITU BELIAU YAKIN BAHAWA PARA PEJUANG TERSEBUT MASIH SAYANGKAN KEPADA UMNO DAN MEREKA TIDAK RELA MELIHAT PARTI ITU DIMUSNAHKAN OLEH MANA-MANA PIHAK.

PERDANA MENTERI BERKATA, +YANG PENTING IALAH MENERUSKAN PERJUANGAN DAN KITA TIDAK ADA MASA UNTUK BERBALAH SESAMA SENDIRI KERANA PERKARA-PERKARA YANG KECIL SEPERTI UNTUK MEREbut JAWATAN DALAM PARTI.+

PADA MAJLIS ITU JUGA, WAKIL-WAKIL PARA PEJUANG BERKENAAN MENYERAHKAN LEBIH DARIPADA 1,000 BORANG KEANGGOTAAN UMNO KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR. SERAMAI 2,200 PARA PEJUANG HADIR PADA MAJLIS ITU. -- BERNAMA
0109MST 11 08 88